**Suruhanjaya Tenaga**
*(Energy Commission)*
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

KENYATAAN MEDIA

20 JANUARI 2023

# ST Nasihat Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik Dan Gas Di Musim Perayaan

**Putrajaya, 20 Januari 2023 –** Menjelang sambutan Tahun Baru Cina tidak lama lagi, ramai yang akan pulang ke kampung halaman bagi membuat persiapan dan meraikan perayaan ini, sekaligus akan meningkatkan penggunaan elektrik dan gas. Oleh itu, sekiranya keselamatan diambil mudah, kebarangkalian orang ramai terdedah kepada bahaya elektrik dan gas adalah tinggi. Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai agar mengutamakan keselamatan elektrik dan gas dengan mengamalkan tips keselamatan seperti berikut:

**Keselamatan Elektrik**

1. Guna kelengkapan elektrik dan lampu hiasan yang diluluskan serta mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.
2. Pastikan kelengkapan elektrik dalam keadaan sempurna dan elak memperbaiki sendiri kelengkapan elektrik yang rosak.
3. Tidak membebani soket dengan kelengkapan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi.
4. Tidak menekan suis elektrik dengan tangan yang basah.

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**
Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

5. Pastikan semua suis dan kelengkapan elektrik yang tidak diperlukan dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.
6. Tidak menggantung perhiasan perayaan pada tiang/talian elektrik atau pepasangan elektrik.
7. Uji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji ‘T’ sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta. PAB yang berfungsi dengan baik akan dapat melindungi pengguna daripada terkena renjatan elektrik sekiranya terdapat kebocoran arus ke bumi.
8. Sekiranya PAB tidak berfungsi atau rosak, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB atau sebarang kerja pemeriksaan/ pendawaian elektrik di rumah.

**Keselamatan Gas**

1. Sentiasa periksa dapur gas memasak bagi memastikan ianya berkeadaan baik tanpa ada bau atau kebocoran gas.
2. Guna peralatan dapur gas yang diluluskan dan mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.
3. Pastikan peralatan dapur gas dalam keadaan baik dan selamat.
4. Pastikan injap silinder gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau meninggalkan rumah.
5. Tidak meletakkan kuali/ periuk yang panas di atas silinder gas.
6. Pastikan silinder gas menegak ketika memasak.
7. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk kerja pembaikan perpaipan gas di rumah.

Untuk makluman lanjut, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-88708500.




**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.




**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

*****TAMAT*****

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***
*Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*
*Unit Promosi dan Hubungan Luar*
*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*
*Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my*

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.